

aab

Mahathir - Penswastaan

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 10 malam ini, 2 Sept)

KUALA LUMPUR, 2 Sept ( Bernama ) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan akan sentiasa menghadapi tuduhan bahawa hanya golongan tertentu yang mendapat keuntungan daripada dasar penswastaan tetapi ia tidak boleh terkongkong dengan dakwaan ini.

Perdana Menteri berkata sesiapa juga yang dapat mengambil alih dianggap sebagai orang tertentu kerana sesuatu pemindahan itu sendiri pasti melibatkan dua pihak iaitu kerajaan di satu pihak dan swasta di satu pihak lagi.

+Kalau tidak orang ini, orang itu. Tetapi anggapannya ialah walau siapa juga mendapat manfaat, maka itu adalah orang tertentu, + katanya dalam wawancara +Bersama Perdana Menteri+ yang disiarkan menerusi TV1 RTM malam ini.

Beliau diminta memberi penjelasan terhadap apa yang dikatakan +topik popular+ iaitu yang menyebut bahawa penswastaan lebih memberikan keuntungan kepada orang tertentu dan tidak memberi faedah kepada orang ramai kecuali kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dalam menentukan pihak yang akan mengambil alih dalam penswastaan sesuatu perkhidmatan, kerajaan terpaksa memilih orang yang berkemampuan.

+Apabila kita pilih orang yang berkemampuan, siapa juga, dia akan dianggap sebagai orang tertentu. Ini menjadi masalah kepada kita, + katanya.

-- Lagi

♥02/09/21-59MST

aab

Mahathir - Penswastaan 2 Kuala Lumpur

+Dapatkah kita memberi peluang itu, ataupun pengambil alih sesuatu perkhidmatan kerajaan untuk diberikan kepada orang yang tidak berkemampuan? katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "berkata kerajaan tidak boleh memilih orang yang tidak mampu, sambil mengumpamakannya sebagai memberikan wang yang banyak kepada orang yang" hendak berniaga tetapi tidak tahu berniaga yang akhirnya wang itu tidak dibelanjakan dengan bijak untuk membawa keuntungan.

Mengenai kemungkinan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan akan berkurangan, sebaliknya bertumpu kepada swasta akibat penswastaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata risiko itu memang ada.

+Tetapi kita berpendapat bahawa kesetiaan itu mesti ditumpukan kepada negara, bukan kerajaan, +katanya, sambil menambah bahawa kerajaan adalah sesuatu yang tidak kekal dan mungkin bertukar.

Perdana Menteri berkata sudah mencukupi jika rakyat setia kepada negara kerana dengan itu rakyat tentulah akan menyokong sesiapa yang menjaga negara dengan baik. -- Lagi

♥02/09/22-13MST

BH604

R GB 02-09 00179

aab

Mahathir - Penswastaan 3 Kuala Lumpur

Beliauberkatapenswastaan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan bukan saja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia kerana itu adalah satu keutamaan.

Perdana Menteri berkatapenswastaan, yang di jalankan agak lebih awal di negara ini, perlu bagimemastikan perkhidmatan yang lebih baik dan lebih cepat bertindak kepada sesuatu keadaan untuk mengelak kerugian. . .

+Sedangkan, dalam kerajaankita tidak boleh bertindak (secepat itu) kerana struktur kerajaan yang sedemikian, + katanya .

Perkhidmatan kerajaan mestimelalui peringkat-peringkat tertentu sehinggalah kepada kabinet untuk membuat sesuatu keputusan sebelum satu-satu tindakan dan itu akan melambatkan prosesnya sedangkan teknologi berkembang dengan beg-i tu pesat.

Beliaumemberikan contoh Syarikat Telekom yang perlu membuat keputusan yang cepat bagi bertindak untuk menerima dan menggunakan sesuatu sistem baru, jika ada.

Anggota panel semasa wawancaraitu terdiri daripada Fellow Kanan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Encik Rust-am A. Sani, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd, Encik Zainuddin Maidin dan Profesor Madya Dr Ishak Shari dari Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. -- Bernama

02/09/22 - 1.4 MST